



MUZAKARAH

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Kertas Kerja

SOSIOEKONOMI DAN KEBANGKITAN UMMAH KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA 2030



Disediakan oleh :

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar

Tarikh

24 & 25 Februari 2020

Tempat

**Casuarina Convention Centre
Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya
Ipoh, Perak.**





PROFIL DATUK DR. MOHD DAUD BAKAR

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar adalah Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Amanie. Amanie Advisors, salah sebuah syarikat utama Kumpulan Amanie kini menabur khidmat di beberapa bandar utama dunia. Datuk Dr. Daud juga menyumbang bakti sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan juga Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau memainkan peranan penting sebagai ahli Badan Penasihat Syariah pelbagai institusi kewangan global, antaranya National Bank of Oman (Oman), Amundi Asset Management (Perancis), Morgan Stanley (Dubai), Bank of London and Middle East (London), BNP Paribas (Bahrain), Dow Jones Islamic Market Index (New York) dan First Abu Dhabi Bank (UAE).

Dalam dunia korporat pula, beliau diberi kepercayaan menganggotai Lembaga Pengarah Sime Darby Property Berhad, selain berperanan sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan PNB. Perlantikan beliau yang terbaru adalah sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa IUM yang ke-8 dan Pengerusi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Di samping itu, beliau juga adalah pengasas bersama (co-founder) Experts Analytics Centre Sdn Bhd dan MyFinb, serta Ketua Pengarang Malaysian Business Magazine.

Pada 2016, beliau dianugerahi “Anugerah Kecemerlangan bagi Sumbangan Ulung bagi Kepimpinan dan Khidmat Nasihat Syariah” di Majlis Anugerah Sidang Kemuncak Sukuk London dan “Anugerah Penasihat Syariah” di Majlis Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A. Sebelum itu, pada 2014, beliau dianugerahkan gelaran “Tokoh Perdana Anugerah Maulidur Rasul 2014” oleh Yang di-Pertuan Agong sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan. Di bawah terajunya, Amanie Advisors membuktikan keunggulan sebagai penerima “Anugerah Prasarana Ilmu Ekonomi Islam” semasa Sidang Kemuncak Ekonomi Islam Global di Dubai pada 2015 daripada Raja Dubai, Sheikh Mohamed Rashid Al-Maktoum.

Sebelum itu, beliau pernah menyumbang bakti sebagai Timbalan Naib Canselor di Universiti Islam Antarabangsa. Beliau mendapat ijazah pertamanya dalam bidang Syariah di University of Kuwait pada 1988 dan seterusnya memperoleh Ph.D. dari University of St Andrews, United Kingdom pada 1993. Beliau terus menggali ilmu dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens di Universiti Malaya pada 2002.

Permata inteleknya terus menerima pengiktirafan apabila buku pertamanya, “Shariah Minds in Islamic Finance: An Inside Story of A Shariah Scholar” (Minda Syariah Kewangan Islam: Kisah Balik Tabir Perspektif Cendekiawan Syariah) muncul sebagai penerima anugerah “Islamic Finance Book of the Year 2016” oleh Majlis Anugerah Kewangan Islam Global [the Global Islamic Finance Award (GIFA) 2016]. Buku beliau yang seterusnya “An Insightful Journey Into Emirates Airline Sukuk : Pushing The Boundaries of Islamic Finance” juga menerima penganugerahan daripada GIFA 2017 iaitu “Best Islamic Finance Case 2017”. Selain penerbitan buku, beliau juga merupakan Ketua Pengarang majalah ‘Malaysian Business’, majalah yang telah diberi nafas baru setelah 43 tahun berada di industri.

Hasil nukilan karya Datuk Dr. Mohd Daud Bakar yang lain adalah I Have 25 Hours A Day : The Smart Way to Create More Time (2016), Mainstreaming Islamic Finance: Unveiling The Critical Success and Failure Factors An Insider And Global Perspective (2018), Saya Ada 25 Jam Sehari (2016), Be The Eagle Amongst The Birds (2018), Shariah is Life (2018), PULUN (2018), Anak Desa ke Persada Antarabangsa (2018), Harapan Buat Pakatan Harapan (2018), dan Membumikan Syariah: Menjelajahi Dimensi Syariah Secara 360 Darjah (2018), Corporate Matrimony (2018), Mindset is Everything (2019), The Hard Truth of Islamic Finance (2019), Sosialisasi Fekah Dalam Struktur Masyarakat (2019), Ratiocination In Islamic Legal Theory (2019), Elakkan Diri Dari Disenarai Hitam Dalam Pinjaman (2019), dan Engsel Kehidupan (2019).



SOSIOEKONOMI DAN KEBANGKITAN UMMAH KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar

1.0 Pendahuluan

Tema sosio-ekonomi dalam konteks kebangkitan ummah ke arah mencapai kemakmuran bersama 2030 adalah satu tema yang mempunyai pelbagai dimensi. Bukan sahaja pelbagai dimensi dan kayu ukur, ia juga berkait rapat dengan pelbagai 'kebanyakan' atau majoriti penduduk negara (dan dunia). Ia menyentuh kualiti kehidupan mereka yang kurang keupayaan atau pengupayaan dan selalunya mereka berada di tahap paling bawah dalam hirarki sosio-ekonomi sesebuah negara.

Tiga kata dasar tema kertas kerja ini adalah sosio-ekonomi, kebangkitan ummah dan kemakmuran bersama 2030. Setiap satu daripada istilah ini mempunyai definisi atau konsep yang rata-rata mudah difahami oleh masyarakat umum. Kita perlu meletakkan ketiga-tiga perkara ini dalam kerangka definisi atau konsep yang jelas supaya ia bertepatan dengan data sebenar kehidupan.


Kertas kerja ini hanya akan fokus kepada polisi dan dasar sosio-ekonomi dan juga wawasan kemakmuran bersama kerana kedua-dua aspek ini adalah pencetus kepada kebangkitan ummah. Kebangkitan ummah hanyalah hasil daripada sesuatu tindakan. Lebih baik kita fokus kepada plan tindakan berbanding hasil atau kejadian akhir. Ramai orang suka berbincang hasil sesuatu tindakan tetapi amat kurang ingin melihat bagaimana melaksanakan sesuatu plan tindakan itu. Secara relatif juga, fokus akan lebih terarah kepada polisi sosio-ekonomi berbanding kemakmuran bersama.



Sosioekonomi adalah satu fenomena kehidupan yang berubah. Sehubungan itu, ia termasuk dalam kategori perkara yang berubah atau patut berubah (*al-mutaghiyyrat*) dan bukannya tetap dan kaku sepanjang masa (*al-thawabit*). Mungkin ada yang tidak dapat menangkap maksud dan makna *al-mutaghiyyarat* atau sifat yang berubah-ubah. Oleh kerana ia berubah berdasarkan tempat dan masa serta pemboleh ubah, teori dan jalur-jalur sosio-ekonomi mesti berubah berdasarkan permintaan dan tawaran (*demand and supply*).

Sebagai contoh, di setengah iklim dan situasi, fokus utama dasar sosio-ekonomi adalah kepada golongan muda manakala di setengah situasi yang lain, sasarannya adalah golongan pesara atau orang tua. Namun, yang lebih penting lagi adalah apakah keadaan dan situasi yang menuntut dan memerlukan perubahan polisi sosio-ekonomi? Perkara yang mampu mencetuskan dasar dan polisi sosio-ekonomi boleh berubah dan bertahap-tahap adalah data dan fakta masyarakat, sama ada data social, ekonomi, antropologi, politik ataupun apa sahaja yang memberi kesan kepada kebaikan sosio ekonomi sesuatu komuniti.

Lantaran itu, kita perlu memahami sosiologi dan antropologi sosio-ekonomi, seperti mana polisi dan pelaksanaan keadilan juga memerlukan data sosiologi dan antropologi bagi menyesuaikan keadilan dengan pihak yang terlibat dan persekitarannya. Ini langsung tidak pelik kerana Syariah sendiri adalah ilmu bagi menyusun ekosistem kehidupan demi pembangunan kehidupan yang lestari di dunia menuju kebahagiaan selamanya di akhirat. Ini adalah takrifan baru saya bagi Syariah (lihat Mohd Daud Bakar, "*Membumikan Syariah – Menjelajahi Dimensi Syariah Secara 360 Darjah*" (2018). Dalam erti kata yang lain, saya telah mula memberi definisi Syariah sebagai "satu aturan wahyu yang berkaitan dengan aspek akidah, akhlak dan hukum serta polisi dan amalan terbaik untuk mengurus dan mentadbir ekosistem kehidupan manusia yang lestari".



Sehubungan itu, banyak konsep besar dalam agama Islam, seperti keadilan, kesaksamaan, hak asasi manusia dan termasuk juga sosio-ekonomi dan kemakmuran bersama memerlukan acuan yang dibentuk melalui data dan fakta semasa dan setempat. Mungkin dalam konteks pemberian bantuan kepada golongan usahawan muda, cara bantuan modal kerja atau pembelian aset perniagaan melalui sedekah, derma ataupun melalui ekuiti sudah tidak relevan dalam sesetengah kes. Pada era mutakhir ini, mereka mungkin memerlukan pembiayaan hutang (dengan kadar keuntungan yang rendah) ataupun paling kurang melalui skim *qardhul hasan* dengan kewajipan membayar balik jumlah pokok pinjaman tanpa sebarang keuntungan (berbanding sedekah dan derma) ataupun melalui skim hutang dan bukannya ekuiti.

Apa maksud semua ini? Perhatian kepada sosio-ekonomi dalam konteks bantuan modal perniagaan perlu diubah suai dengan memasukkan keperluan disiplin kewangan dan pembangunan diri usahawan yang paling memberi kebaikan kepada penyumbang dan juga penerima serta ekosistem masyarakat dan negara. Pendek kata, ia adalah situasi menang-menang untuk semua. Dalam hal ini, meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya yang paling wajar dan tepat serta berimpak adalah antara ajaran agama Islam yang sudah terhakis. Tidak dinafikan yang menderma dan bersedekah adalah bagus tetapi ia tidak semestinya perkara yang terbaik dalam semua keadaan. Sekali lagi, kita perlu meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya yang paling wajar dan tepat serta berimpak.

Ringkas cakap, dasar dan polisi sosio-ekonomi adalah satu fenomena sosial yang berkembang dan berubah berdasarkan persekitaran zaman. Pastinya, ia bukan satu fenomena yang tetap. Mungkin pada zaman dahulu, sebagai contoh, fokus pembasmian kemiskinan hanya tertumpu pada kawasan luar bandar. Sehubungan itu, banyak inisiatif



dibuat pada masa lepas, seperti penubuhan MARA, FELDA, FELCRA dan seumpamanya bagi mendatangkan peluang perniagaan kepada masyarakat luar bandar dan menubuhkan kawasan-kawasan baru zon ekonomi.

Namun dewasa ini, isu kemiskinan bandar pula menjadi fokus utama. Ini kerana masalah sosioekonomi yang dihadapi golongan masyarakat dalam kategori miskin bandar lebih mengancam daripada golongan miskin luar bandar. Dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa negeri yang telah menyediakan skim kredit mikro dengan tumpuan pada golongan miskin bandar bagi membangunkan usahawan kecil dan sederhana.

Berhadapan fakta baharu ini, polisi sosio ekonomi mestilah berada dalam muara dan alur yang sesuai bagi sampai ke destinasi dan matlamat yang ingin dicapai. Berdasarkan data daripada Bank Dunia, pada tahun 2030, 50% KDNK (atau GDP) dunia akan digerakkan oleh kawasan bandar dan bukan lagi desa dan pedalaman. Ini adalah ancaman baru kepada banyak negara untuk menjadikan bandar-bandar mereka selamat dan lestari untuk menampung penduduk yang semakin ramai tinggal dan bekerja di bandar.

2.0. Sosio-Ekonomi Agenda Masyarakat dan Negara

Walaupun agenda sosio-ekonomi adalah baik dan murni, ia bukanlah agenda orang-orang tertentu atau orang perseorangan. Ia mesti dinyatakan sebagai polisi dan dasar baharu negara secara terus-terang dan tidak lagi terselindung di sebalik perkara-perkara utama yang lain. Ini adalah kerana agenda sosio-ekonomi adalah kemuncak keseimbangan dan keadilan sosial dalam kehidupan manusia. Apabila negara mampu maju dan kaya tetapi konsep dan polisi sosio-ekonomi tidak menjadi paksi dan tunjang pemerintahan negara,



banyak keburukan akan timbul dalam kemajuan dan kemodenan negara yang pesat. Inilah kaitan kepentingan sosio-ekonomi sebagai polisi dalam masyarakat dan negara.

Polisi sebuah negara mempunyai pemberatnya. Apabila sesuatu polisi itu diterima dan diapungkan menjadi rujukan negara dalam semua kementerian dan agensi kerajaan – seperti polisi bebas rasuah ataupun polisi hijau ataupun polisi mengurangkan keberhutangan isi rumah – maka kesemua tindakan negara dari segi bajet, perwatakan, penggembleran tenaga dan sumber negara, pengiktirafan dan penganugerahan serta penalti dan hukuman dapat disejajarkan dengan polisi tersebut.

Yang paling penting, apabila ia sudah menjadi polisi negara, ia bukan lagi tanggungjawab dan KPI kementerian ataupun agensi tertentu. Dalam konteks polisi sosio-ekonomi, ia adalah dasar bagi menggarap dan membina peluang untuk semua orang dan membina apa sahaja pembangunan dengan melihat daripada bawah dalam semua aspek kehidupan seperti pendidikan, perkilangan, pertanian malah sukan dan pengurusan sampah.

Jadi, ia tidak lagi menjadi teras dan perjuangan kementerian tertentu ataupun agensi tertentu sahaja. Ia sebaliknya dijulang menjadi polisi dan gerak kerja negara dalam semua kementerian dan agensi kerajaan, tanpa ada pengecualian. Inilah kekuatan dan kehebatan sesebuah polisi, yakni berbeza dengan hanya satu gagasan akademik ataupun sekadar gagasan politik.

Apakah ciri-ciri sesuatu polisi kehidupan, khususnya dalam kehidupan kenegaraan? Antara ciri utama polisi kenegaraan adalah: (a) ianya berbentuk inklusif dan tidak terhad kepada mana-mana golongan tertentu; (b) pelaksanaannya adalah menyeluruh dalam semua bidang kehidupan, sama ada di bandar ataupun di luar bandar; (c) kayu ukur pencapaian atau



kelemahannya adalah tetap dan tidak berubah-ubah; (d) ianya disebut-sebut dan diuar-uarkan dalam setiap peluang dan pentas; dan (e) tiada tempoh matang tertentu kerana polisi ini selalunya memakan masa yang panjang bagi menghadapi krisis yang kompleks dan mencapai KPI yang diharapkan. Dalam konteks Malaysia, beberapa polisi utama, seperti polisi (dan dasar) pendidikan kebangsaan atau pemilikan ekuiti oleh golongan bumiputera masih lagi beroperasi walaupun sudah lama dilancarkan kerana ia belum lagi mencapai sasarannya.

Sehubungan itu, sesebuah negara mesti mampu meletakkan polisi kehidupan dan kenegaraan ini dengan naratif yang jelas supaya kedua-dua pihak kerajaan (pihak pelaksana) dan rakyat mampu memahami apa yang ingin diperjuangkan oleh negara dan pimpinan politik mereka. Walaupun sesebuah polisi itu baik dan amat diperlukan masyarakat, tetapi kalau skrip dan naratifnya tidak jelas ataupun kehebatan dan faedah polisi ini tidak dapat dirasai orang ramai, polisi ini akan diketepikan masyarakat ataupun lebih teruk lagi, polisi sedemikian akan menjadi bahan tohmahan masyarakat.

Saya pernah melihat sendiri pengalaman di sebuah negara, di mana apabila kerajaan meletakkan polisi bagi mengawal tahap keberhutangan isi rumah dengan memperketatkan syarat pinjaman daripada institusi kewangan, ramai dalam kalangan rakyat membatalkan polisi insurans (dan takaful) mereka lebih awal hanya sekadar bagi memperolehi faedah penamatan awal polisi insurans (atau takaful), iaitu wang tunai (dikenali sebagai '*surrender benefit*'). Ini cara mudah mencairkan polisi insurans kepada wang tunai di tangan. Tetapi apakah kesan sikap begini kepada sosio-ekonomi masyarakat dan negara?

Mereka sebenarnya meletakkan keluarga mereka dalam risiko yang lebih tinggi kerana keluarga mereka sudah tidak lagi memiliki perlindungan keluarga (nyawa) dan juga



perlindungan pendidikan bagi anak-anak mereka pada masa hadapan. Ini polisi yang baik (iaitu pengurangan kadar keberhutangan isi rumah), tetapi polisi ini tidak diurus dengan baik bagi mengelakkan orang ramai membatalkan polisi insurans mereka beramai-ramai sekadar mendapatkan tunai secara segera bagi meneruskan cara hidup mewah lebih daripada kemampuan kewangan mereka yang sebenar.

Apakah 'wajah dan suara' sosio-ekonomi dalam polisi negara? Pada peringkat ini, kita tidak membincangkan aspek sosio-ekonomi dalam konteks kehidupan peribadi ataupun keluarga kerana ini bukanlah fokus utama sesebuah masyarakat dan negara. Kalau Quran telah memberi penekanan bersifat rahmah, kasih sayang dan perihatin kepada kedua ibu bapa, khususnya apabila mereka sudah tua dan lanjut usia, ia masih dalam cakupan tanggungjawab peribadi ataupun keluarga bagi bersifat rahmah kepada kedua ibu bapa.

Permasalahan timbul kalau seorang ataupun semua anak dalam ekosistem keluarga tidak lagi memberi perhatian yang sewajarnya kepada kedua ibu bapa mereka, bagaikan kacang yang lupakan kulit. Di manakah polisi sosio-ekonomi dalam peringkat negara bagi menyantuni kedua ibu bapa? Ada laporan di mana terdapat sebuah negara telah menyediakan bajet kewangan khas untuk menubuhkan pasukan pembantu untuk membersihkan rumah yang diduduki oleh warga emas setiap hujung minggu. Ini akan menyediakan satu keadaan persekitaran rumah yang selesa kepada golongan ini yang mungkin sudah tidak mampu membersihkan rumah mereka.

Meletakkan polisi pada peringkat negara dan agensi kerajaan adalah satu keperluan demi memastikan gagasan itu lebih berkesan, sekalipun bagi perkara-perkara yang biasa. Ini kerana negara mempunyai 'kuasa' dan lebih penting lagi, data yang lebih menyeluruh dan tuntas bagi menjayakan sesuatu perkara ataupun bagi mengatasi sesuatu masalah.



Sebarang gagasan yang tidak disokong data yang menyeluruh dan juga kuasa pelaksanaan menjadi tidak berkesan atau tidak dihormati.

Ini juga bertepatan dengan tabiat keseluruhan Quran yang sering memberi penekanan kepada *khitab ilahi* (komunikasi berstruktur dan terarah dari langit) yang berbentuk kolektif, iaitu secara beramai-ramai (dan bukannya secara terkhusus). Secara kognitifnya, ia memberi isyarat yang jelas bahawa sebarang perubahan dan impak yang diinginkan masyarakat tidak akan memberi kesan dan impak yang diharapkan, melainkan ia dilakukan oleh kesemua atau sekumpulan besar anggota masyarakat. Mesej kebersamaan ini terlalu jelas dalam semua saranan dan wawasan Quran.

3.0 Kedudukan dan Cakupan Sosio-ekonomi pada Kurun ke-21 Masihi

Isu sosio-ekonomi kadang-kadang sudah malap dan tenggelam dalam masyarakat semasa ekoran kemodenan yang pesat membangun, sehingga jiwa kemanusiaan turut lenyap dan menjadi kering. Ada juga beberapa polisi sosio-ekonomi yang sudah dibentuk sejak sekian lama, tetapi gagal dimodenkan dan diremajakan, sesuai dengan fakta dan kehidupan semasa.

Contohnya adalah sistem atau skim manfaat persaraan (atau lebih tepat skim sekuriti sosial) yang ada di sesebuah negara. Skim seperti ini bertujuan membantu golongan pesara meneruskan kehidupan mereka seperti biasa, walaupun mereka sudah tidak bekerja. Skim ini dibentuk sedemikian rupa supaya simpanan dan keuntungan dari pelaburan simpanan mereka 'mencukupi' bagi menampung perbelanjaan dan kos sara hidup mereka pasca persaraan.



Namun, beberapa perubahan sosial sudah berlaku yang mungkin menjadikan skim ini tidak lagi relevan atau tidak lagi mampu membantu keperluan sosio-ekonomi golongan pesara seperti yang diharapkan. Antaranya, jangka hayat rakyat Malaysia sudah meningkat disebabkan perkembangan teknologi perubatan. Sehubungan itu, ramai golongan pesara yang hidup lebih lama daripada jangka hayat yang dijadikan formula dan asas dalam skim persaraan apabila ia diperkenalkan beberapa dekad yang lalu.

Begitu juga, disebabkan perubahan gaya hidup yang baharu, ramai dalam kalangan pesara yang masih berhutang walaupun selepas bersara. Ini permasalahan sosio-ekonomi yang baharu dalam masyarakat. Budaya berhutang secara melampau adalah budaya yang baharu pada era kebelakangan ini, dengan perubahan gaya hidup moden dan kemudahan kredit yang berlambak.

Buat masa sekarang, negara belum lagi mempunyai skim insurans atau takaful anuiti. Ia merupakan satu skim yang cukup berfaedah kepada golongan pesara atau orang tua umumnya kerana skim ini, berbeza dengan skim insurans dan takaful, ialah membayar pampasan kewangan apabila seseorang itu masih hidup sehingga dia mati.

Di United Kingdom, mereka sudah membenarkan para pekerja menukar skim persaraan kepada skim anuiti sesuai dengan data jangka hayat yang baru. Di Australia, terdapat skim kewangan di mana golongan orang tua boleh menjual rumah mereka yang lebih besar dan berpindah ke rumah yang lebih kecil tetapi mereka akan mendapat aliran tunai setiap bulan sehingga mereka meninggal dunia. Data dan fakta dunia sudah berubah bertepatan pepatah Melayu iaitu lain padang lain belalang. Minda sosio-ekonomi juga perlu berubah dengan pantas.



Begitu juga, ramai golongan muda yang tidak mampu memiliki rumah sendiri walaupun sudah beberapa tahun bekerja. Mereka mungkin mampu menyewa rumah ataupun membayar bayaran ansuran bulanan bagi pembiayaan perumahan (sekiranya mereka boleh mendapatkan pembiayaan perumahan). Namun, kekangan kewangan mereka yang utama adalah ketidakcukupan wang ataupun simpanan bagi membayar wang pendahuluan pembelian rumah sebanyak 20% atau 30% (*Loan to Value* atau LTV) sebelum pembiayaan daripada bank dapat diluluskan.

Sekiranya sebuah rumah berharga RM300,000 dan kadar pembiayaan daripada bank yang diluluskan hanyalah 80% (LTV), mereka mesti mampu menyediakan wang tunai sebanyak RM60,000 (dan jumlah ini belum lagi termasuk kos insurans, peguam, penilai hartanah, kos setem bagi memeterai perjanjian pembiayaan dan seumpamanya yang perlu dijelaskan secara tunai). Ramai yang kecundang dalam aspek ini disebabkan ketiadaan simpanan tunai sebanyak 20 - 30% dari harga belian rumah. Apa pula akan berlaku sekiranya nisbah LTV yang diluluskan bank hanyalah 70%? Ini bererti pembeli pertama rumah melalui skim pembiayaan perbankan perlu mempunyai simpanan tunai sebanyak RM90,000. Berapa ramai dalam kalangan pembeli pertama dan pembeli muda mampu mempunyai simpanan tunai sekitar RM100,000 bagi membeli rumah berharga RM300,000?

Apakah yang sudah berlaku dalam masyarakat? Banyak penemuan dan dapatan tentang masalah pemilikan rumah mampu milik sudah dihasilkan berdasarkan kajian berdata oleh pelbagai pihak, termasuk Khazanah Nasional dan baru-baru ini oleh Bank Negara Malaysia dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018. Dalam laporan berkenaan, disebutkan bahawa antara punca utama masalah tidak mampu membeli rumah adalah skim dan jumlah pendapatan atau penggajian di Malaysia yang tidak setara dengan peningkatan kos sara



hidup. Dapatan itu juga menyatakan bahawa berbanding dengan beberapa negara lain, tahap penggajian di Malaysia adalah antara yang terendah berbanding peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Skim tangga gaji di Malaysia tidak banyak berubah ataupun meningkat sejak hampir 20 tahun yang lepas, sedangkan harga barangan dan perkhidmatan telah pun meningkat berkali ganda lebih daripada peratus peningkatan gaji dan kenaikan tangga gaji.

Sekiranya ini adalah antara sebab penyumbang kepada ketidakmampuan ramai rakyat Malaysia membeli rumah (di kawasan yang mereka suka dan mungkin hampir dengan tempat kerja ataupun pengangkutan awam), maka satu kajian semula skim dan tahap gaji dan kenaikan gaji perlu dilakukan semula. Dalam proses ini, kajian perlu dibuat dengan mengambil kira pendekatan atau suluhan sosio-ekonomi dalam isu gaji berbanding kos sara hidup dan juga, tidak lupa kebajikan majikan dari segi peningkatan kos dan perbelanjaan pengurusan dan juga tahap produktiviti syarikat dan negara (disebabkan perubahan skim penggajian ini).

Saya pasti kajian dan semakan seumpama ini akan mengambil masa yang lama tetapi ia mesti bermula daripada sekarang bagi melebarkan dimensi sosio-ekonomi dalam skim penggajian dan kenaikan tangga gaji para pekerja di Malaysia. Kajian sebegini adalah satu revolusi kepada pencerahan maqasid al-Syariah dan kaitannya dengan tema kelestarian dan juga kepada tema produktiviti negara dalam bidang ekonomi dan persaingan. Kajian dan semakan ini juga dipercayai mampu menyelesaikan pelbagai masalah sosio-ekonomi lain, seperti sistem pendidikan dan impaknya kepada tawaran pekerjaan, polisi pengambilan pekerja asing dan kesannya kepada pengaliran keluar mata wang Malaysia, penstrukturan semula polisi sumber manusia, polisi kutipan dan pengagihan zakat dan pelbagai lagi impak



yang baharu dalam masyarakat. Ia satu revolusi kerana ia berbentuk *maqasid al-maqasid*, iaitu tunjang kepada pelbagai maqasid Syariah dan tema kehidupan utama yang lain.

Apakah penyelesaian segera bagi isu dan permasalahan yang mencabar ini daripada kacamata polisi sosio-ekonomi Islam? Setiap masalah, khususnya yang mendesak dan melibatkan ramai orang memerlukan penyelesaian segera yang diilhamkan konsep rahmah, iaitu ambil peduli, prihatin, empati dan ia perlu dilaksanakan secara yang terbaik dan paling holistik bagi kebajikan dan kesejahteraan masyarakat umum. Saya akan mencadangkan beberapa penyelesaian yang diilhamkan konsep rahmah yang merupakan nadi kepada polisi sosio-ekonomi dalam bahagian akan datang.

Apa lagi kesan buruk sosioekonomi yang timbul akibat isu tidak mampu memiliki rumah dalam kalangan sebahagian masyarakat Malaysia ataupun disebabkan kurangnya kemampuan kewangan? Kita tidak boleh memandang mudah setiap isu sosio-ekonomi dalam masyarakat kerana ia mungkin membawa kepada kesan lain yang lebih mengancam keharmonian keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhan.

Ikuti kisah sebahagian rakyat Malaysia yang tinggal dan bekerja di bandar-bandar besar, seperti di kawasan Lembah Klang. Disebabkan ketidakmampuan kewangan sebahagian warga kerja Kuala Lumpur, ramai yang terpaksa tinggal di luar zon bandar di kawasan perumahan yang tidak teratur, yang memberi risiko sosial dan jenayah. Mereka juga terpaksa berulang-alik dengan menempuhi jarak yang jauh dan tanpa pengangkutan awam yang berkesan. Akibatnya, banyak masa terpaksa dibazirkan di jalanraya.

Kalau kedua-dua suami dan isteri bekerja, anak-anak mereka mungkin tidak mendapat masa dan perhatian yang secukupnya. Ini bukanlah kerana mereka mempunyai ibu bapa yang



tidak penyayang dan tidak mengambil berat. Tetapi ini ekoran desakan keadaan dan persekitaran yang tidak kondusif. Kadang-kadang, kedua ibu bapa terpaksa mengharungi trafik awal pagi hanya sekadar bagi menghantar anak-anak mereka yang masih kecil ke rumah jagaan kanak-kanak disebabkan tiadanya pusat jagaan kanak-kanak yang berhampiran tempat kerja mereka. Lebih parah lagi bagi ibu bapa yang bekerja secara '*shift*', seperti jururawat, pekerja kilang dan pengawal keselamatan.

Pihak majikan sedar bahawa warga kerja mereka, khususnya dalam kalangan jururawat (lelaki dan wanita) terpaksa bekerja dalam tempoh yang lama dan perlu berada sepanjang masa di hospital dan klinik (bagi menjaga kebajikan dan kadang-kadang nyawa pesakit), tetapi mereka langsung tidak tefikir bagi menyediakan pusat jagaan kanak-kanak yang lebih sesuai dengan tugas para jururawat ini. Inilah akibatnya apabila kompas dasar sosio-ekonomi Islam hilang dalam masyarakat dan negara.

Timbul persoalan kenapa pihak kerajaan atau pihak berkuasa tertentu tidak mewajibkan hospital itu menyediakan pusat jagaan kanak-kanak yang lebih kondusif bagi warga kerja mereka. Malah, lebih baik kalau mereka diwajibkan membina rumah kediaman warga kerja mereka di dalam kawasan hospital bagi disewa ataupun dibeli atau apa sahaja skim penggunaan rumah ini yang difikirkan bersesuaian dengan data warga kerja serta polisi sosio-ekonomi yang berrahmah. Ini bukanlah perkara yang sukar dilakukan kalau pihak pemilik dan pengurus hospital sudah mendapat sentuhan rahmah dalam isu kebajikan warga kerja mereka.

Saya membincangkan isu perumahan dan kaitannya dengan permasalahan sosio-ekonomi masyarakat dan negara kerana ia adalah masalah yang semasa dan sezaman dengan era sekarang. Permasalahan pemilikan rumah pada masa lepas mungkin belum lagi relevan.



Urbanisasi yang besar daripada kampung ke bandar-bandar besar belum lagi berlaku pada masa lepas. Agenda kelestarian insani mungkin lebih mudah disantuni pada masa lepas kerana cabarannya tidak seberat mana disebabkan struktur masyarakat yang belum lagi kompleks.

Namun, pada era urbanisasi ini, pemilikan rumah adalah satu keperluan. Dengan permintaan yang besar bagi kediaman (disebabkan urbanisasi) dan penawaran yang kurang, harga rumah mudah melambung tinggi. Tanah bagi dibuat rumah pun semakin berkurangan di bandar-bandar besar. Pada masa sama, kedua-dua suami dan isteri yang bekerja juga adalah fakta kehidupan yang lazim pada zaman moden. Polisi sosio-ekonomi yang ingin dibentuk perlu disulami dengan data dan fakta semasa.

Polisi dan pelaksanaan gagasan sosio-ekonomi Islam tidak boleh dibuat dengan buta-tuli, sungguhpun dengan niat yang baik dan visi yang tinggi. Konsep keadilan kewangan dan kemakmuran bersama adalah satu saranan dan gagasan langit tetapi ia tidak boleh dibuat secara tidak tersusun, terancang dan berdata. Syariah juga mementingkan pengukuran impak dalam masyarakat. Setiap kebaikan mesti menjana ekosistem kebaikan secara berlipat kali ganda. Dalam Islam, perkara baik mesti membawa kepada kebaikan-kebaikan lain sebagai rantaian nilai ekosistem yang menyokong satu sama lain. Inilah limpahan kebaikan yang kita dambakan.

Saya membawa kedua-dua isu peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia (dan kaitannya dengan kecukupan ataupun ketidakcukupan wang selepas persaraan) dan isu perumahan (dan korelasinya dengan permasalahan sosial dan ekonomi) bagi menunjukkan bahawa



fakta kehidupan dalam bidang sosio-ekonomi sudah berubah. Sehubungan itu, kefahaman kita dalam meletakkan polisi dan pelaksanaan sosio-ekonomi Islam mestilah berlantaikan fakta dan data semasa. Kita tidak boleh hentam keromo. Sebelum saya mengakhiri bahagian ini, elok saya bantangkan juga isu yang lebih dekat dengan keadaan sosioekonomi masyarakat Islam semasa dalam konteks perniagaan dan peningkatan tahap dan taraf hidup. Isu ini berkaitan kemudahan mendapatkan kemudahan tunai (*cash facility*) dan juga modal berniaga.

Saya percaya banyak isu sosio-ekonomi masyarakat berpunca dari kelemahan dan kurangnya peluang aktiviti ekonomi dan perniagaan. Malah, penyelesaian bagi isu-isu ini pun masih bersandarkan peluang aktiviti ekonomi dan perniagaan bagi semua orang yang berminat dan layak bekerja sendiri dan menjadi pencipta pekerjaan dalam masyarakat (dan bukan pencari pekerjaan). Suara langit amat prihatin dengan keperluan mendesak masyarakat dalam mewujudkan modal dan ekuti, sama ada ekuti kewangan ataupun ekuiti sosial. Ikuti perbincangan seterusnya.

Modal atau ekuti adalah sumber yang mahal dan berisiko tinggi. Bukan semua orang sanggup dan berani menyediakan kemudahan wang tunai (kredit) dan juga modal bagi berniaga secara ekuiti. Bolehkah bank-bank, termasuk bank-bank Islam membantu dalam soal ini? Ini impian semata-mata. Ini tidak bererti bank-bank tidak boleh memberi kemudahan tunai ataupun kredit dan juga kemudahan ekuti, tetapi bank-bank mesti mematuhi tahap risiko yang tinggi. Ini kerana bank-bank juga menjaga amanah deposit orang awam.

Ini juga kerana bank sebagai institusi pengambilan deposit yang berlesen di bawah Bank Negara Malaysia tidak boleh menggunakan deposit tersebut dalam pembiayaan ataupun



pelaburan yang berisiko tinggi (melainkan pihak bank bersedia meletakkan modal berbayar yang lebih tinggi di bawah BASEL III dan peraturan Bank Negara). Sehubungan itu, pihak bank, termasuklah bank-bank Islam lebih cenderung memberi pembiayaan secara hutang dan bukan ekuiti.

Malah, bagi pembiayaan secara hutang yang patuh Syariah pun, kos kewangan yang perlu ditanggung pihak usahawan bagi memperolehi kemudahan kredit ini adalah tinggi. Ini sejajar dengan kos pengoperasian bank yang melibatkan seluruh ekosistem bank, dari segi teknologi maklumat, pencahiran, pengubahan wang haram (AMLA), pengurusan risiko dan banyak lagi aspek kepatuhan sebuah bank berlesen. Bank terpaksa menyalurkan segala kos ini kepada pelanggan, termasuk pelanggan-pelanggan yang baharu hendak memulakan bisnes mereka. Ini memberikan tekanan kepada usahawan yang baharu dalam dunia perniagaan. Kos kewangan atau kadar keuntungan yang ditawarkan mungkin tidak dapat ditampung oleh aliran tunai bisnes yang diusahakan usahawan baharu dan muda ini.

Kalau pun kos kewangan bank murah dan kompetitif, tidak semua usahawan yang memohon layak mendapat kemudahan kredit daripada bank. Ini kerana kebanyakan usahawan tidak mempunyai penyata gaji. Mana tidaknya, mereka baharu sahaja menjadi usahawan. Mungkin kertas cadangan bisnes mereka tidak melepasi tahap kualiti dan intensiti yang diminta pihak bank. Mungkin juga mereka terbabit dalam beberapa kes keberhutangan yang belum habis dibayar dan disebabkan itu, permohonan mereka ditolak ekoran nama mereka masih berada dalam senarai hitam industri kewangan.

Apa peranan polisi sosio-ekonomi Islam dalam isu dan permasalahan mereka? Kita akan menelusuri apa yang sedang berlaku dalam negara dan mungkin apa yang dapat dilaksanakan pada masa hadapan. Seperti yang diungkapkan sebelum ini, sesuatu polisi itu



hanya akan berkesan dan berimpak tinggi sekiranya ia dilaksanakan dengan tepat, teliti dan konsisten serta bijaksana. Kalau hendak memamah, biarlah tepat pada sasaran.

4.0 Hiraki Kepentingan Dalam Sosioekonomi Masyarakat

Tidak dapat dinafikan bahawa segala ketidakcukupan dalam masyarakat mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhannya. Fenomena ketidakcukupan – tanpa melihat apakah punca sebenarnya – akan memberi tekanan kepada sebahagian manusia yang tidak mendapat apa yang diperlukan. Di sinilah kepentingan agenda sosio-ekonomi. Begitu juga, apabila menyedari bahawa bidang dan cakupan bidang ini amat luas, kita juga mesti meletakkan hiraki tertentu dalam melayari bahtera sosio-ekonomi. Memang kalau boleh, kita sepatutnya menyantuni semua lapisan dan golongan manusia dalam masyarakat yang mengalami kekurangan dan defisit dalam kehidupan mereka. Namun, kadang-kadang, semua ini tidak mampu dilakukan.


Penetapan hiraki mestilah berdata dan berfakta dan bukannya mengikut perasaan dan kecenderungan peribadi semata-mata. Pendataan yang tepat dan semasa diperlukan bagi meletakkan senarai kepentingan bagi melancarkan polisi kelestarian dalam sosioekonomi masyarakat. Pendekatan berdata ini bukanlah perkara baru dalam agama. Pada zaman dahulu dalam penulisan sarjana Islam terkemuka seperti al-Shatibi, beliau telah pun menyebut tentang *istiqrā'* (atau kajian empirikal) lebih daripada 100 kali dalam buku terkenalnya tentang *maqasid al-Syariah*, iaitu *al-Mufawaqat*. Dalam erti kata lain, semua *maqasid al-Syariah* utama terbentuk berlandaskan pendataan teks-teks wahyu yang tuntas yang dibuktikan melalui pendekatan empirikal. Mana-mana tema kehidupan yang mendapat sebutan yang banyak dalam Quran – sama ada secara langsung ataupun kognitif – akan dinobatkan sebagai *maqasid al-Syariah*.



Lebih menarik lagi, dalam memberi definisi bagi setiap kategori dan tingkat (atau hiraki) *maqasid al-Syariah*, ilmu pendataan tetap digunakan. Misalnya, *daruriyyat*, iaitu tahap *maqasid al-Syariah* yang paling tinggi didefinisikan sebagai segala sesuatu yang apabila diabaikan ataupun tidak dibangunkan, maka kesemua manusia akan berada dalam kesulitan dan kerosakan. Adapun *hajiyyat*, iaitu tahap kedua kepentingan *maqasid al-Syariah* merujuk pada apa sahaja yang apabila diabaikan ataupun tidak diberikan perhatian akan menyebabkan kebanyakan manusia berada dalam kesulitan dan kesukaran. Tahap ketiga yang dikenali sebagai *tahsiniyyat* adalah perkara (seperti polisi dan pelaksanaan) yang hanya memberikan kebaikan kepada sebahagian kecil anggota masyarakat.

Jelas bahawa yang membezakan antara satu tahap dengan tahap yang lain dalam hiraki *maqasid al-Syariah* adalah cakupan atau keluasan impak sesuatu polisi *maqasid* itu. Kalau kesan baik ataupun buruknya menyeluruh, di mana semua orang terlibat, ia dianggap satu keperluan mendesak (*daruriyyat*). Kalau kesan baik ataupun buruknya melibatkan kebanyakan manusia, ia dianggap satu keperluan biasa (*hajiyyah*). Namun, kalau kesan baik ataupun buruknya hanyalah melibatkan segelintir manusia, ia bukanlah satu keperluan sangat. Ia hanya dianggap sebagai pelengkap kehidupan ataupun *tahsiniyyat*. Menarik sekali bagaimana Syariah melihat pendataan sebagai asas dalam banyak ilmu dan bidang kehidupan.

Dalam kita mencari dan meletakkan polisi sosio-ekonomi Islam dalam keseluruhan aspek kebangkitan umat ke arah kemakmuran bersama, kita tiada pilihan lain melainkan meletakkan data yang lengkap di hadapan mata kita bagi menilai apakah bidang dan sektor serta golongan yang paling kritikal dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.




Sudah pasti kita tidak boleh melakukan semuanya itu dalam masa yang sama disebabkan kekangan sumber dan tenaga manusia serta masa.

Namun, sebelum kita memberi beberapa contoh dan mungkin anggaran yang paling tepat dengan fakta dan data semasa, perlu ditekankan sekali lagi bahawa setiap polisi yang baik dan berkesan dalam mana-mana negara di setiap tempat dan pada semua zaman mestilah bersandarkan data yang tepat, komprehensif dan tulen. Ini satu kemestian, khususnya pada zaman di mana data adalah terlalu banyak dan berselerak. Data adalah manifestasi 'warna' dan denyutan hati masyarakat yang paling tepat dan data juga tidak 'berdusta'.

Melihat pada beberapa laporan pada peringkat negara dan agensi kerajaan serta separa kerajaan, masalah utama sosioekonomi masyarakat Islam adalah pemilikan rumah oleh golongan muda di bandar, peningkatan kos sara hidup yang tidak seimbang dengan jumlah pendapatan dan taraf kehidupan, kemiskinan bandar, peningkatan masalah sosial dalam kehidupan bandar, peluang keterlibatan dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan, peluang biasiswa pendidikan, kadar pengangguran dalam kalangan graduan universiti, hutang isi rumah yang tinggi (dan juga sebilangan golongan muda yang sudah pun jatuh muflis dan pesara dengan hutang keliling pinggang), kebajikan orang tua dan pelbagai isu kronik dan mengancam kesejahteraan masyarakat Islam dalam semua peringkat dan umur. Mungkin sebahagian isu-isu ini masih terkawal lagi, tetapi kalau kita tidak membangunkan polisi sosio-ekonomi yang berdata dan berimpak, isu-isu ini akan membiak besar sehingga boleh menjadi ancaman kepada masyarakat dan negara. Jangan pula sudah terhantuk, baru tengadah. Ingatlah, mencegah lebih baik daripada mengubati.

Ini adalah sebahagian isu dan permasalahan yang berkisar sekitar isu sosioekonomi masyarakat Islam. Dalam konteks ini, pihak kerajaan persekutuan dan beberapa kerajaan



negeri sudah membangunkan beberapa polisi kerajaan yang bersifat ‘rahmah’ dalam menyantuni beberapa golongan dan juga sudah menyediakan peruntukan yang termampu bagi mengatasi beberapa isu yang mendesak dan menekan kebanyakan orang dalam golongan tertentu.

5.0 Mobiliti Sosial dan Sosio-Ekonomi Islam

Mungkin ramai yang tidak dapat menilai di mana letak duduknya polisi dan impak polisi sosio-ekonomi Islam dalam mobiliti sosial. Kemungkinan besar juga ramai yang tidak dapat melihat bagaimana sesebuah masyarakat berubah dalam susunan dan kedudukan sosio-ekonomi mereka ataupun dikenali sebagai mobiliti sosial.

Apakah itu mobiliti sosial? Islam mengakui bahawa pasti wujud perbezaan dari segi kedudukan sosioekonomi masyarakat. Dalam kata lain, pasti wujud jurang antara golongan kaya dan golongan miskin dan juga antara golongan kaya dan golongan amat kaya. Jurang juga pasti wujud antara golongan miskin dan golongan miskin tegar. Ini adalah fakta Quran. Ini dapat dilihat daripada firman Allah SWT (maksudnya): “Adakah mereka membahagikan rahmat Tuhan kamu (sesama manusia)? Kamilah yang membahagikan di antara mereka habuan kehidupan (kekayaan) dalam kehidupan di dunia dan (Kamilah) mengangkat tinggi sebahagian mereka supaya sebahagian mereka bekerja untuk sebahagian yang lain; dan rahmat Tuhan kamu lebih baik daripada apa yang kamu kumpulkan (dari kekayaan)” (al-Zukhruf: ayat 32).

Islam membenarkan pemilikan kekayaan dan harta dalam kalangan umatnya tanpa sekatan (berbeza dengan sistem komunis dan sosialis yang ekstrem). Namun, anggota masyarakat yang kaya mempunyai tanggungjawab agama melalui bayaran zakat setiap tahun (zakat




wang dan kewangan dan seumpamanya) ataupun setiap kali ada penghasilan (zakat pertanian dan perlombongan). Mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial, seperti sedekah, derma dan wakaf. Quran sarat dan padat dengan galakan atas tema kebajikan. Malah, tidak keterlaluan kalau tema kebajikan dan filantropi dijadikan salah satu *maqasid al-Syariah*.

Apa makna semuanya ini dari kaca mata dan perspektif ajaran Islam? Ia memberi mesej yang jelas bahawa mereka yang sudah bebas daripada belenggu kemiskinan bertanggungjawab secara sosial dan 'gesaan yang bertalu-talu' daripada suara langit bagi berkebajikan. Ini dapat berlaku dalam banyak dimensi dan setiap dimensi itu dapat berubah berdasarkan keadaan data dan fakta semasa dan setempat.

Dalam bahasa mudah, mereka mesti memberikan keutamaan kepada golongan yang benar-benar memerlukan apa sahaja bantuan daripada negara berbanding diri mereka sendiri ataupun keluarga mereka. Ini kerana mereka sudah mampu berdiri sendiri dan mereka sepatutnya berada dalam kedudukan bagi membantu manusia lain. Inilah peningkatan kedudukan sosial mereka ataupun dikenali sebagai mobiliti sosial.

Saya kemukakan di sini beberapa contoh bagaimana dimensi mobiliti sosial dapat dilaksanakan dalam sesebuah negara di bawah pantulan inspirasi polisi sosio-ekonomi Islam. Contoh-contoh ini hanya sekadar contoh dan tidak bermaksud membataskan pelaksanaan dimensi mobiliti sosial. Kalau polisi sosio-ekonomi Islam ini dapat difahami dan hayati secara kreatif dan inovatif – bagi menyantuni mereka yang berhak semaksimum mungkin – sudah tentu pelbagai polisi dan skim pelaksanaan gagasan sosio-ekonomi Islam dapat dipacu dalam keseluruhan masyarakat dan negara.



Contoh atau kes yang pertama adalah berkenan usaha merubah kemiskinan kepada kecukupan. Rata-rata kaedah pengagihan zakat dan juga infak dibuat secara yang berbentuk sumbangan yang tidak dijangka mampu merubah ataupun mentransformasikan penerima dan keluarga penerima bantuan kewangan ini. Ini adalah bantuan yang sekadar melepaskan tanggungjawab, iaitu membayar zakat kepada pembayar zakat dan juga mengutip dan mengagihkan zakat kepada agensi kerajaan yang bertanggungjawab. Namun, kalau kita melihat dari segi polisi sosio-ekonomi, iaitu demi membebaskan masyarakat Islam daripada kemiskinan, pendekatan sebegini tidak selari dan sejajar dengan maksud impak zakat dalam masyarakat Islam.

Menyedari isu ini (dan juga fakta semasa, di mana asnaf zakat masih berterusan menjadi asnaf zakat), kita memerlukan pendekatan bagi meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi penerima atau asnaf zakat kepada satu kedudukan yang lebih tinggi dengan satu program pemberian zakat dalam bentuk modal ataupun latihan ataupun apa sahaja pendekatan yang sesuai dengan profil penerima zakat dari segi umur, pendidikan, cara fikir, tempat tinggal dan seumpamanya. Mobilisi sosial takkan berlaku kalau kita melakukan perkara yang sama dan dengan menggunakan cara yang sama selama-lamanya. Kalau kita asyik menuruni bukit, mana mungkin kita sampai ke puncaknya. Di sinilah kita memerlukan aspek polisi sosio-ekonomi Islam yang kreatif dan bijaksana, sesuai dengan data dan fakta semasa.

Contoh yang kedua bukan sahaja lebih menarik tetapi lebih kritikal. Ramai dalam kalangan orang yang sudah berjaya dalam masyarakat pada hari ini adalah penerima pelbagai jenis bantuan daripada negara pada masa dahulu, sama ada dalam bentuk peluang belajar di sekolah terpilih ataupun biasiswa pendidikan ataupun tempat pekerjaan ataupun modal berniaga. Mereka mendapat semua ini kerana mereka adalah dalam kalangan keluarga



miskin dan mungkin tinggal di luar bandar. Mereka benar-benar layak pada masa tersebut. Disebabkan peluang ini, mereka sudah berjaya dan sekarang menjadi pemimpin dan golongan yang berkemampuan tinggi.

Namun begitu, walaupun mereka sudah mampu dari segi kewangan, mereka masih inginkan peluang yang sama buat anak-anak mereka ataupun ahli keluarga mereka yang lain. Mereka masih mahu anak-anak mereka mendapat peluang pendidikan di sekolah berasrama penuh dan juga mendapat peluang biasiswa di universiti. Adakah ini patut berlaku dalam masyarakat yang meletakkan polisi sosio-ekonomi ke arah membangunkan mobiliti sosial dalam masyarakat?

Saya secara peribadi berpandangan ini adalah amalan yang tidak sejajar dengan polisi sosio-ekonomi kepada mereka yang lebih memerlukan, khususnya dalam keadaan peluang dan bantuan kerajaan yang semakin menyusut. Kalau amalan 'feudalisme' ini masih berterusan, polisi sosio-ekonomi Islam dalam membangunkan mobiliti sosial takkan tercapai. Ini belum lagi mengambil kira amalan kronisme dari pelbagai segi seperti peluang biasiswa, pendidikan, perniagaan, pengiktirafan dan sebagainya. Orang yang lemah dalam masyarakat akan sentiasa tersisih. Polisi sosio-ekonomi Islam yang tulus dan telus mesti mengutamakan mereka yang paling layak mendapat bantuan dan ihsan negara. Kalau manusia tidak boleh berlaku adil, biar mesin dan data bijaksana yang memilih dan memantau.

Dalam konteks ini juga, kita perlu membuat pendekatan 'tindakan susulan' selepas kita meletakkan polisi sosio-ekonomi yang betul dan tepat. Sekarang, ramai pelajar daripada golongan keluarga B40 sudah ditawarkan masuk ke sekolah berasrama penuh. Ini satu polisi yang baik untuk menolong mengurangkan jurang peluang pendidikan antara masyarakat



yang kaya dan miskin. Data menunjukkan peningkatan yang ramai di kalangan anak-anak B40 yang sudah mendapat tawaran kemasukan ke sekolah-sekolah hebat dan prestij ini.

Namun, kita juga mendapat laporan bahawa sebahagian mereka tidak dapat meneruskan pelajaran kerana gagal membayar yuran-yuran tertentu. Mereka juga mungkin tertekan apabila selalu diperingatkan saban hari dengan yuran yang tertunggak ini. Di sesetengah sekolah, setiap pelajar diwajibkan mempunyai tab komputer masing-masing (yang dianggarkan berharga sekitar RM1500).

Ramai pelajar daripada keluarga miskin tidak mampu dan sebahagian daripada mereka terpaksa keluar daripada sekolah pilihan ini. Masa sudah sampai untuk kita melihat isu-isu ini dengan lebih serius dan data terkini mesti disediakan. Di sini juga peranan zakat dan mungkin agensi kerajaan yang lain diperlukan untuk menyantuni permasalahan pelaksanaan satu polisi sosio-ekonomi yang baik. Sehubungan itu, saya selalu tekankan kepentingan data dan lebih kritikal lagi, data waktu sebenar (*real time data*) dan kalau boleh mekanisma GPS yang boleh memantau secara masa sebenar.

6.0 Kesaksamaan Peluang dalam Aktiviti Ekonomi

Kalau kita perhatikan dengan pemerhatian yang teliti, akan terlintas di minda kita bahawa perbezaan kedudukan dan tahap pencapaian sosio-ekonomi dalam masyarakat kebanyakannya berpunca dari peluang yang berbeza bagi aktiviti ekonomi. Apabila peluang bagi menceburkan diri dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan ataupun peningkatan ilmu dan kemahiran ekonomi dan perniagaan tertutup ataupun terhad, maka sebahagian golongan masyarakat akan tersisih.



Apa akibat akhirnya? Mereka tidak dapat meningkatkan jumlah pendapatan mereka dan akhirnya, mereka hanya menjadi pekerja makan gaji sepanjang hidup mereka. Sekiranya mereka sudah berada dalam sektor perniagaan, mereka akan berhadapan kekangan modal ataupun kemahiran. Ini juga menyebabkan perniagaan mereka terbantut dan mungkin terpaksa gulung tikar.

Dalam konteks ini, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia atau YaPEIM ditubuhkan kerajaan pada 1976 di bawah Akta Pemegang Amanah (Trustees Act 1952) dan dilancarkan semula pada 1985 oleh Perdana Menteri pada masa tersebut. Ia agensi yang unik kerana ia dipertanggungjawabkan membangunkan agenda sosioekonomi masyarakat Islam melalui pendekatan pembangunan ekonomi Islam.

YaPEIM muncul pada zaman di mana institusi kewangan Islam belum wujud di Malaysia (sebelum 1983). Namun, YaPEIM dilancarkan semula pada permulaan era penubuhan bank-bank Islam dan syarikat takaful di Malaysia. Dalam hal ini, fakta yang menarik adalah tujuan utama penubuhan YaPEIM, iaitu bagi membangunkan ekonomi umat Islam, sedangkan kerangka ekonomi dan kewangan Islam belum ada ataupun masih pada fasa awal perkembangannya. Ini sememangnya cabaran dan amanah yang besar. Boleh dikatakan juga yang idea penubuhan YaPEIM mendahului zamannya.

Dengan kebijaksanaan pelopor awal YaPEIM, YaPEIM berjaya menemui satu formula ataupun kaedah menjana perniagaan yang mampan bagi YaPEIM, di samping menyumbang kepada sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Perlu diingatkan bahawa YaPEIM adalah berbeza dengan kebanyakan agensi-agensi Islam lain di Malaysia. Berbeza dengan agensi-agensi Islam lain, YaPEIM tidak mempunyai peruntukan kewangan khusus daripada pihak kerajaan secara belanjawan tahunan bagi menampung kos pentadbiran. Sebaliknya, YaPEIM



perlu menjaga sumber kewangan dan pulangan kewangan sendiri bagi menampung kos perbelanjaan, di samping menyumbang kepada sosioekonomi masyarakat Islam di Malaysia dalam pelbagai aspek.

Ringkasnya, ia badan perniagaan yang terpaksa menguruskan aset dan liabilitinya secara berhemah, profesional dan beramanah. Kalau tidak diurus dengan baik sehingga liabiliti mengatasi aset ataupun aliran tunai tidak seimbang dan selari dengan perbelanjaan dan perolehan semasa, ia mungkin terpaksa gulung tikar, seperti mana berlaku kepada agensi perniagaan yang lain ataupun terpaksa diselamatkan dana tertentu (*bail out*) yang akhirnya akan menggunakan dana awam. Ini adalah satu kegagalan.

Sehubungan itu, pihak pelopor dan pengurus awal YaPEIM memperkenalkan skim mikro kredit Ar-Rahnu pada penghujung tahun 1980an, yang mana ia dikendalikan Koperasi YaPEIM, satu badan di bawah kawalan YaPEIM. Ini satu 'revolusi' dalam konteks pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Apakah sebenarnya peranan dan sumbangan skim mikro kredit Ar-Rahnu YaPEIM kepada masyarakat Islam di Malaysia?

Pertamanya, YaPEIM dengan pinjaman modal daripada pihak kerajaan, dapat menyediakan modal pusingan kepada para peniaga dan usahawan melalui pinjaman Qardhul Hasan, di mana barang kemas ataupun jongkong emas dijadikan gadaian ataupun cagaran. Skim ini dikenali sebagai Ar-Rahnu. Apa yang menariknya tentang skim sebegini?

Skim sebegini adalah skim yang julung-julung kali diperkenalkan di Malaysia (dan juga di dunia) secara patuh Syariah. Ia memberikan alternatif kepada masyarakat bagi mendapatkan pinjaman dengan gadaian secara patuh Syariah. Sebelum skim ini diperkenalkan, masyarakat Islam di Malaysia terpaksa meminjam secara konvensional yang



tidak patuh Syariah melalui pajak gadai yang tidak mengikut prinsip-prinsip Syariah. Di samping itu, skim konvensional juga banyak menekan dari segi terma kontrak, khususnya apabila penggadai tidak mampu menebus gadaian emas atau barang kemas mereka. Merujuk pada skim Ar-Rahnu YaPEIM, skim ini juga menarik kerana modal awal disediakan pihak kerajaan sebagai dana kepada YaPEIM bagi melaksanakan urusan bisnes mereka yang merangkumi skim Ar-Rahnu ini. Ini jarang berlaku di negara-negara lain.

Fakta sosioekonomi yang paling menonjol adalah skim Ar-Rahnu ini memberi peluang kepada semua orang mendapat kemudahan mudah tunai dengan mudah, dengan syarat mereka mampu menyediakan gadaian ataupun cagaran emas yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Ini menyokong amalan 'keterangkuman kewangan' (*financial inclusiveness*) bagi semua lapisan rakyat dan bagi orang ramai mendapat kemudahan kredit, sekalipun mereka mungkin tidak layak dari sudut pandangan kekuatan kredit dalam industri perbankan. Ini satu usaha murni melalui inisiatif skim mikro kredit Ar-Rahnu YaPEIM.

Walaupun skim ini terbuka kepada semua golongan masyarakat Malaysia dari semua peringkat umur dan profil, dari Tawau ke Kangar tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan kewangan dan tujuan pinjaman, ia juga memberi peluang baharu kepada para usahawan dan ahli perniagaan bagi memperoleh modal pusingan mereka melalui skim Ar-Rahnu. Skim ini menyediakan pinjaman Qardhul Hasan, sama ada kepada para peniaga dan usahawan (sebagai pencagar) bagi tujuan perniagaan yang bermotifkan keuntungan kewangan dan pencapaian ekonomi ataupun bagi tujuan-tujuan lain bagi mendapatkan kemudahan kredit demi memenuhi keperluan sosial penggadai, seperti menampung belanja persekolahan, perubatan, membaiki rumah dan kenderaan dan seumpamanya. Ini juga menyokong agenda kesejahteraan sosial negara menerusi kemudahan kredit yang mudah diperolehi.



Skim mikro kredit yang ditawarkan melalui atur cara Ar-Rahnu memberi kesan dan impak yang tinggi kepada masyarakat di Malaysia, khususnya masyarakat Islam. Menariknya, ia juga terbuka kepada bukan Islam kerana bukan Islam juga boleh melibatkan diri dalam skim Ar-Rahnu yang patuh Syariah. Ini kerana skim ini terbuka kepada semua agama. Ini juga salah satu konsep rahmah yang menjadikan skim ini terbuka kepada semua.

Berdasarkan data di YaPEIM, apakah impak langsung skim Ar-Rahnu kepada kemudahan mikro kredit kepada golongan usahawan? Berdasarkan taburan Ar-Rahnu YaPEIM dan prestasi terkumpul dari tahun 2000 hingga Jun 2019, nilai marhun (iaitu barang gadaian emas) yang telah disediakan pihak YaPEIM adalah sebanyak RM14.15 bilion, manakala jumlah pinjaman secara keseluruhan adalah sebanyak RM9.03 bilion, dan seramai 689,776 terlibat dalam skim ini. Jumlah urusan yang direkodkan dalam tempoh ini pula adalah sebanyak 5.14 juta.

Kalau dilihat pula dari segi taburan pemberian pinjaman dari segi negeri, negeri yang banyak jumpah pinjaman melalui skim Ar-Rahnu adalah Kelantan, iaitu sebanyak RM1.43 bilion. Jumlah yang paling kecil pula adalah RM44.75 juta, iaitu di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ini mungkin sesuai dengan keadaan sosioekonomi penduduk di Putrajaya yang berpendapatan tetap dan berpendapatan sederhana dan tinggi. Ini juga secara tidak langsung menunjukkan bagaimana skim Ar-Rahnu ini memang diperlukan dalam masyarakat yang secara relatif 'miskin' dan tidak mempunyai pendapatan tetap bagi mendapatkan cara pinjaman secara mudah dan cekap.

Berdasarkan data yang sama di YaPEIM, 23% daripada jumlah pinjaman ini adalah bagi dijadikan modal perniagaan. Inilah bidang yang terkait secara langsung dengan pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam. Tujuan-tujuan lain adalah seperti



perubatan, pengajian anak, keperluan harian, bayar hutang dan pelancongan. Walaupun tujuan-tujuan ini tidak terkait secara langsung dengan pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam, mereka turut menyumbang kepada peningkatan pencapaian sosioekonomi masyarakat Islam, seperti melalui pendidikan anak-anak, keperluan harian dan membayar hutang dan juga perubatan. Walaupun demikian, YaPEIM dalam rangka menambahkan fokus kepada pembangunan ekonomi Islam secara langsung kerana ini dipercayai dapat memberi impak yang lebih tinggi kepada keseluruhan sosioekonomi masyarakat Islam.

Mengikut statistik, menerusi skim Ar-Rahnu ini, pihak YaPEIM berjaya membantu seramai 135,602 usahawan dalam pelbagai bidang perniagaan, seperti pembuatan dan pengilangan, pemborongan dan peruncitan, perkhidmatan, industri makanan dan minuman, pertanian dan perladangan, penternakan dan perikanan, pembinaan dan kejuruteraan dan pelbagai lagi. Ini bidang dan aktiviti ekonomi sebenar dalam sesebuah negara. Ia bukan sahaja memenuhi keperluan masyarakat secara keseluruhan, tetapi ia juga mencipta peluang pekerjaan. Kalau diambil secara purata jumlah 5 orang pekerja bagi setiap usahawan, maka skim mikro kredit Ar-Rahnu YaPEIM sudah pun berjaya mencipta 678,010 peluang pekerjaan dalam tempoh pendataan ini.

YaPEIM akan terus memantau data-data yang relevan di bawah polisi dan suluhan sosio-ekonomi bagi mengoptimumkan impak skim Ar-Rahnu kepada masyarakat secara keseluruhan. Menyedari teras utama YaPEIM sebagai pemangkin sosioekonomi masyarakat Islam, khususnya pembangunan ekonomi Islam, YaPEIM akan mula bergerak dengan lebih tersusun dan menumpukan pada penjana ekosistem pembangunan ekonomi Islam melalui kemahiran dan keilmuan perniagaan (yang disokong dana amal jariah) dan



pembiayaan pembangunan ekonomi dalam segala bentuk perniagaan dan lapisan umur melalui skim Ar-Rahnu dan juga dana amal jariah.

7.0 Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Di antara objektif kemakmuran bersama yang relevan dengan tajuk kertas kerja ini adalah pembangunan untuk semua dan menangani jurang kekayaan dan pendapatan. Vertikal yang pertama ialah tentang keperluan menstruktur semula sistem dan operasi perekonomian. Ia bertujuan untuk menstruktur semula ekonomi yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Vertikal yang kedua pula ialah usaha untuk menangani ketidaksamaan dengan menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantain bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

Terdapat tujuh (7) teras strategik di sebalik wawasan kemakmuran bersama ini. Secara ringkasnya, ia adalah berfokus kepada ekosistem perniagaan dan industri, aktiviti pertumbuhan ekonomi utama, transformasi modal insan, pengukuhan pasaran buruh dan peningkatan pampasan pekerja, kesejahteraan sosial, keterangkuman wilayah dan modal sosial. Setiap satu teras ini memerlukan kepada huraian yang panjang dan holistik. Kertas kerja ini mungkin tidak mampu memberi respons kepada semua langkah strategik ini dan kaitannya dengan kebangkitan ummah melalui polisi dan pelaksanaan sosio-ekonomi yang mampan. Namun, kertas kerja ini akan cuba menggariskan beberapa cadangan tindakan untuk memperkasa dan mengupayakan wawasan kemakmuran bersama melalui pendekatan beberapa polisi sosio-ekonomi.

8.0 Peranan Polisi Sosio-Ekonomi dalam Memperkasa Kemakmuran Bersama

Pada penghujung penulisan ini, kita patut menilai – walaupun secara kasar – apakah impak polisi sosio-ekonomi dalam kehidupan kita. Sekiranya impak ini masih kurang berkesan, maka perlu ada sokongan yang lebih daripada pihak tertentu bagi menjadikan polisi dan sasar sosio-ekonomi Islam benar-benar berfungsi dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Sebaliknya, sekiranya polisi sosio-ekonomi Islam ini langsung tidak berperanan, maka satu *post mortem* perlu dilakukan. Tiada gunanya kita bersikap seperti seekor burung unta yang menyembunyikan kepalanya di dalam pasir apabila berhadapan masalah dan ancaman.

Negara yang mendukung prinsip dan polisi sosio-ekonomi Islam adalah negara yang akan sentiasa melakukan dua perkara secara konsisten, iaitu negara yang mengamalkan amalan terbaik dalam segala bidang dan juga negara yang beriltizam dengan perintah Allah SWT. Ini adalah terjemahan firman Allah SWT; “...negara yang baik dan sejahtera dan negara yang diampunkan Tuhan” (Saba: ayat 15). Polisi-polisi sosio-ekonomi yang dibangunkan negara akan memberi impak kepada kedua-dua aspek ini, iaitu amalan terbaik dan juga negara yang mendapat keampunan daripada Allah SWT. Ini kerana pemerintahnya sentiasa prihatin dan ambil peduli tentang kesejahteraan rakyat melepasi tahap keadilan kepada tahap ihsan. Tahap ihsan adalah kemuncak kepada polisi sosio-ekonomi. Ihsan adalah satu konsep keadilan yang anjal dan berperi-kemanusiaan yang lebih tinggi daripada keadilan yang berstruktur dan terhad. Ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud; “Sesungguhnya Allah memerintah kamu (melakukan) dengan keadilan dan ihsan...” (al-Nahl: ayat 90)

Persoalan utama adalah bagaimana kita dapat mengukur impak polisi dan pelaksanaan panduan sosio-ekonomi dalam sesebuah masyarakat dan negara? Berdasarkan pengamatan dan pengalaman saya dalam ilmu pengukuran impak dan juga analisis data raya (*big data*



analytics), terdapat beberapa pendekatan bagi mengukur dan menilai sejauh mana keberkesanan serta impak polisi sosio-ekonomi pada peringkat negara. Antaranya adalah:

- a. Kadar sumbangan kewangan dalam bidang sosioekonomi dalam sebuah masyarakat dan negara (ataupun kebijakan secara umumnya) semakin bertambah, sama ada sumbangan yang wajib, apatah lagi yang digalakkan dalam ajaran Islam, seperti wakaf, sedekah dan juga qardhul hasan. Ini adalah kolerasi yang paling tepat antara impak polisi sosio-ekonomi dengan pertambahan dan juga kepelbagaian bentuk sumbangan masyarakat. Namun, perlu disebut di sini bahawa korelasi ini akan terganggu sekiranya masyarakat sudah hilang kepercayaan ataupun disebut sebagai 'defisit kepercayaan' pada ketelusan sistem penyampaian dalam agensi zakat, wakaf, sedekah dan seumpamanya. Ia juga akan terjejas sekiranya cara dan bentuk sumbangan tidak 'diremajakan', sesuai dengan perkembangan teknologi dan komunikasi moden. Konsep dan polisi rahmah mestilah sederap dan senafas dengan penzahiran yang telus dan teknologi maklumat yang semasa. Ini adalah resepi kejayaan dan impak tinggi pada zaman moden. Setiap zaman ada tahap minimum dan piawaiannya.

Yang paling mengancam defisit kepercayaan adalah salah laku dan kecurangan kewangan yang dilakukan pihak yang terlibat secara langsung dalam menguruskan agenda dan aktiviti sosio-ekonomi dalam semua aspek, seperti perancangan, kutipan dan penyaluran wang derma dan bantuan, perbelanjaan operasi yang tidak setimpal dengan kekuatan kewangan dan mandat sesebuah organisasi dan seumpamanya.

- b. Bagi anggota masyarakat yang tidak mampu ataupun tidak mahu menyumbang secara kewangan, mereka akan terpanggil bagi menyalurkan tenaga dan kuasa




minda mereka bagi membantu membangunkan sosio-ekonomi Islam di Malaysia. Keterlibatan golongan ini sebagai mentor atau pembimbing ataupun sukarelawan dan seumpamanya – secara beramai-ramai - adalah petanda bahawa kesedaran dan polisi sosio-ekonomi sudah menyerap dalam minda dan psikologi mereka yang sudah berjaya – dari segi kewangan dan kedudukan tinggi dalam masyarakat – bagi turun ke padang demi mengasuh dan mendidik generasi baharu dan muda serta tidak berpengalaman bagi keluar dari kepompong kemiskinan dan meningkatkan tahap pendapatan mereka. Ini dikenali sebagai sumbangan secara matawang sosial (*social currency*).

Sewajarnya, pihak agensi kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif yang lebih serius bagi mendampingi para tokoh dan ikon ini bagi merendahkan sayap mereka demi membantu golongan yang memerlukan segala bantuan nasihat dan tunjuk ajar serta motivasi. Di beberapa negara maju, polisi sosio-ekonomi dalam ‘mentoring’ adalah resepi kejayaan yang berlaku dalam semua aspek kehidupan, termasuklah pembangunan dan peningkatan sosio-ekonomi masyarakat.

Dalam konteks ini, beberapa negara maju telah melancarkan beberapa skim sukarelawan di mana, antara contohnya, para sukarelawan boleh membantu dengan menjaga warga tua yang sakit. Dalam kes ini, apabila mereka menjaga warga tua selama 5 jam, sebagai contoh, mereka mendapat kredit 5 jam. Jadi, apabila para sukarelawan itu sakit ataupun sudah berumur tua di masa hadapan, mereka dapat gunakan kredit itu bagi mendapatkan bantuan kepada diri mereka pula selama 5 jam.



- c. Bertambahnya inovasi idea dan pendekatan serta strategi dalam semua lapisan masyarakat mampu membantu ke arah meningkatkan prestasi sosio-ekonomi dalam sesebuah masyarakat. Jika masyarakat langsung tidak menulis ataupun berbincang ataupun membuat diskusi khusus mengenai agenda sosio-ekonomi negara (malah masih selesa dan seronok membincangkan legasi lama), ini adalah satu indeks yang lemah bagi tahap penghayatan sosio-ekonomi dalam masyarakat. Mungkin sebuah agensi nasional perlu ditubuhkan bagi memantau peningkatan (ataupun penurunan) skrip dan naratif sosio-ekonomi dalam masyarakat, sama ada dalam media bercetak, media sosial ataupun media elektronik. Ini juga dapat diindekskan kerana zaman sekarang adalah zaman analisis data raya (*big data analytics*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*).
- d. Sikap tolak ansur dan empati serta rasa kemanusiaan akan semakin terserlah dalam semua kehidupan, seperti pinjaman dan bayaran balik pinjaman (dalam kes-kes tertentu), penyediaan belanjawan dan insentif (yang lebih besar) bagi tujuan sosio-ekonomi dan juga kelestarian dunia ataupun lebih dikenali sebagai *sustainability*, polisi percukaian yang lebih mesra pembangunan sosio-ekonomi dan kenyataan para pemimpin masyarakat dan politik yang lebih seimbang dan berkasih sayang (bukan membenci dan menghentam). Impak dalam aspek ini berbeza dengan perkara yang disebut di atas (perkara c). Ia berkaitan produk dan polisi kerajaan dan institusi tertentu, yang mana ia mengatasi ruang lingkup kehidupan individu dan peribadi. Dalam konteks ini, sekiranya indeks sosio-ekonomi dapat dicipta dan dilaksanakan, ia mampu menjadi indeks yang cukup berimpak. Ia sama dengan indeks-indeks lain yang berfungsi dewasa ini, seperti United Nations Sustainable Development Goals (SDG), United Nations Principled Responsible Investment (UN-PRI) dan juga



Environment, Social and Governance (ESG). Tidak keterlaluan kalau dicadangkan indeks sosio-ekonomi Islam bagi dijadikan satu lagi indeks dalam masyarakat Malaysia. Kalau elemen kelestarian ataupun sosial ataupun tadbir urus dapat dijadikan indeks (ataupun lebih dikenali sebagai indeks ESG), kenapa tidak sosio-ekonomi? Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.

- e. Masalah sosioekonomi yang timbul dalam masyarakat - dalam pelbagai aspek – akan dapat dikurangkan. Mereka yang tidak mendapat peluang pekerjaan ekoran kekurangan kemahiran dan sikap tertentu akan dapat diupayakan; mereka yang memerlukan sedikit bantuan kewangan, sama ada secara hutang ataupun ekuiti akan dikenalpasti dan modal ini disediakan dengan segala tanggungjawab dan KPI; masalah hutang isi rumah bagi perkara-perkara yang tidak produktif akan dikurangkan semaksimum mungkin bagi memastikan kelestarian kehidupan berkeluarga dan seumpamanya. Perkara ini mungkin adalah hasil langsung apabila kita melancarkan indeks sosio-ekonomi dalam masyarakat dan negara. Setiap data akan dikumpulkan (*curated*) dan akan dianalisis bagi mengetahui denyutan nadi masyarakat bagi perkara-perkara yang menyentuh struktur sosio-ekonomi mereka secara langsung.
- f. Satu polisi ekonomi bersendikan rakyat akan dapat dibentuk bagi merakyatkan polisi sosio-ekonomi dalam semua aktiviti sosio-ekonomi masyarakat. Selalunya, polisi ini dirangka melalui belanjawan tahunan negara dan juga dalam mana-mana rancangan jangka panjang negara. Polisi sosio-ekonomi dalam semua bidang kehidupan mesti dikenalpasti secara spesifik bagi tujuan kelestarian semua pihak.



9.0 Kesimpulan

Tema kesejahteraan sosial sepanjang Quran adalah terlalu padat dan sarat. Ia memberikan satu mesej dan naratif yang jelas bahawa keadilan sosial dan kelestarian kehidupan adalah satu gagasan besar Quran bagi dijadikan prinsip, polisi dan dasar kehidupan. Adalah tidak mungkin dan tidak munasabah sesuatu perkara itu menjadi rujukan utama suara langit tetapi ia tidak mampu berfungsi sebagai polisi kehidupan dalam kehidupan sebenar.

Antara cakupan polisi sosio-ekonomi Islam yang sentiasa segar dan hijau dalam masyarakat Islam sejak dahulu lagi adalah masalah yang terkait dengan kebajikan dan kelestarian golongan tertentu dalam masyarakat. Walaupun zakat hanya wajib ke atas lebih harta selepas ditolak segala perbelanjaan dan liabiiti kewangan sepanjang tahun (iaitu memenuhi keperluan nisab dan haul), fokus utama Syariah adalah supaya masyarakat Islam membelanjakan harta mereka sebanyak mungkin terlebih dahulu. Ini kerana apabila mereka berbelanja, mereka menyumbang kepada kitaran aktiviti ekonomi yang akan memberikan faedah yang merata kepada semua anggota masyarakat, sama ada yang kaya ataupun miskin. Untuk mereka mampu berbelanja, mereka mesti mempunyai punca pendapatan. Ini adalah berkaitan dengan peluang pekerjaan yang memberi pampasan yang berpatutan.

Ini polisi kehidupan yang unggul, di samping ianya terus memberi impak kepada sosio-ekonomi masyarakat. Kitaran kekayaan dalam masyarakat melalui aktiviti ekonomi dan perekonomian adalah bermaksud bagi menyalurkan kekayaan dalam masyarakat secara organik, holistik dan berimpak. Adapun zakat hanya dikenakan ke atas lebih harta dan bukan ke atas setiap harta dan pendapatan yang diperolehi (melainkan dalam kes zakat pertanian dan perlombongan). Di samping itu, kewajipan berzakat hanya datang selepas tempoh satu tahun – selepas ditolak semua perbelanjaan – yakni apabila cukup haul dan



nisab bagi memberikan fokus kepada anggota masyarakat yang memerlukan bantuan kewangan sahaja.

Gabungan antara kitaran aktiviti ekonomi dengan fokus kepada ekosistem pengagihan kekayaan melalui perbelanjaan dan kewajipan berzakat dengan fokus kepada asnaf zakat adalah satu formula Islam yang mampan. Ia kombinasi padu antara teori kemanusiaan dan juga ketuhanan; perbelanjaan dan berzakat (bagi rujukan lanjut, lihat Mohd Daud Bakar, *Engsel Kehidupan*, 2019)

Dalam perbelanjaan harta kita bagi apa sahaja tujuan, seperti makan minum, pakaian, melancong, pendidikan, perubatan, kesihatan diri dan seumpamanya, ada sumbangan kepada keseluruhan anggota masyarakat. Begitu juga, dalam kita berzakat, ada impak kewangan kepada golongan asnaf zakat. Teori perbelanjaan sebagai teori kitaran ekonomi Islam dapat dilihat melalui firman Allah SWT yang bermaksud: "... Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: "Yang lebih dari keperluan".... (al-Baqarah: ayat 219). Hakikatnya, terdapat banyak polisi sosio-ekonomi bagi kelestarian masyarakat secara keseluruhannya dan juga merata dalam kesemua aspek ajaran Islam.